

07/03/1997

Melayu alaf baru: Antara tawakal dan tawakul

Abdurrahman Haqqi

DALAM ceramahnya mengenai Dasar Pandang Ke Timur beberapa waktu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan gagasan Melayu Baru sebagai bangsa Melayu dan Bumiputera yang baru yang mempunyai budaya yang sesuai dengan aliran zaman, yang sanggup menghadapi segala cabaran dan dapat bersaing tanpa bantuan, terpelajar dan berilmu, cangguh, jujur, berdisiplin, amanah dan cekap. Gagasan ini diambil selepas penjelasan mengenai penyesalan beliau mengenai sikap rendah diri masyarakat Melayu terhadap Barat yang kini menjadi permisif, malas dan tidak berdisiplin.

Dengan perkataan lain, apa yang diungkapkan Dr Mahathir itu menyentuh aspek jati diri Melayu yang kredibilitinya dalam menghadapi alaf baru sedang diperdebatkan. Jati diri Melayu bukan lagi sebagai 'ethnical tribe' tetapi sebagai 'global tribe'. Jati diri Melayu sebagai umat daripada umat dunia. Dan jati diri Melayu sebagai sebahagian umat Islam yang dalam istilah majalah Time (September 1996) 'The New Face of Islam'.

Aspek jati diri Melayu ini diangkat kembali oleh Wartawan Negara, Tan Sri A Samad Ismail ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk 'Melayu menghadapi Brain Power Barat' dalam seminar Peradaban Melayu, 1-3 Mac lalu di Bangi. Menurut laporan akhbar, Samad berpendapat, krisis moral yang dihadapi masyarakat Melayu Malaysia hari ini adalah krisis jati diri kerana mereka tidak mengenal diri mereka yang sebenarnya dan tiadanya kesinambungan antara satu generasi dengan generasi berikutnya.

'Tiadanya kesinambungan antara satu generasi dengan generasi berikutnya' meningkatkan saya kepada suatu kejadian di mana seorang sahabat Nabi melepas untanya tanpa mengikatnya dengan tali dan dia bertawakal dengan pengertian menyerahkan perkara hilang tak hilangnya unta miliknya itu kepada Allah. Persepsi sahabat ini kemudian diperbetulkan Nabi dengan nasihatnya agar dia mengikat dulu untanya kemudian bertawakal. Kerana jika tidak, istilahnya akan menjadi tawakul atau fatalisme iaitu penyerahan kepada nasib dengan tanpa sebab keimanan yang sangat ditegah Islam.

Kesinambungan antara generasi sebagai proses buatan manusia dalam kelangsungan sejarah mereka mestilah didasari sebab-musababnya. Proses itu sebagai satu perbuatan hanya menjadi sebab bagi terjadinya kesinambungan terbabit. Dan sebab tidak dapat berdiri sendiri dalam mewujudkan sesuatu melainkan harus ada penentu. Penentu bagi keberhasilan usaha tidak lain adalah Allah. Kita merancang sesuatu tetapi Allah yang menentukan keberhasilannya.

Untuk mewujudkan kesinambungan antara generasi Melayu sehingga mereka tidak tertinggal memang memerlukan curahan tenaga dan fikiran generasi lama dalam merancang dan memberi panduan arah tuju generasi penerus. Dengan rancangan dan panduan ini diharapkan generasi penerus tidak hilang pedoman yang tentunya akan mempengaruhi jati diri mereka.

Mempersiapkan rancangan dan panduan di atas dengan ditubuhkannya, sebagai contoh, Sekretariat Melayu Antarabangsa tahun lalu adalah terjemahan ajaran tawakal dalam Islam. Kerana jika kita mengabaikan rancangan dan panduan ini dan menyerahkan nasib generasi penerus Melayu kepada gelombang sejarah maka kita telah melakukan perbuatan tawakul atau fatalisme yang merugikan umat pada masa hadapan.

Dengan rancangan dan panduan yang jitu dan saksama, kemudian menyerah bulat hasil kepada Yang Maha Pencipta, kita sudah melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai masyarakat pendahulu yang prihatin dan penuh tanggungjawab.

Dalam al-Quran banyak kita jumpai ayat yang menganjurkan kita bertawakal dan bahawa kekuasaan mutlak hanyalah milik Allah. Ini bermakna setiap manusia mestilah sentiasa bergantung kepada-Nya dan tunduk kepada ketentuan-Nya. Ibn Taimiyah (w. 728H) berkata: "Barang siapa yang mengharapkan kekuatannya atau amal perbuatannya atau ilmunya atau keadaan hatinya atau kepada temannya, kerabatnya, gurunya, miliknya, harta bendanya tanpa melihat kepada Allah, ia termasuk orang yang bertawakal kepada sebab. Tidak ada seorangpun yang mengharapkan kepada makhluk atau menyerahkan diri kepada makhluk kecuali sia-sialah apa yang diharapkannya." (Majmu' Fatawa, X/657)

Tawakal kepada Allah tidak bererti penyerahan diri secara pasif, tetapi harus disertai usaha dan memohon pertolongan kepada-Nya. Kerana inti ajaran agama Islam terletak kepada dua perkara yang tak boleh dipisahkan iaitu iyyaka na'budu atau hanya kepada-Mu kami menyembah dan iyyaka nasta'in atau hanya kepada-Mu kami memohon pertolongan.

Dengan menterjemahkan kedua-dua ajaran ini kebahagiaan dan kenikmatan duniawi dan ukhrawi akan kita capai. Ibn Taimiyah juga menulis: "Apabila orang merasakan hakikat keikhlasan dalam beragama yang terkandung dalam iyyaka na'budu dan merasakan hakikat tawakal yang terkandung dalam iyyaka nasta'in, maka tidak ada lagi baginya kenikmatan yang di atasnya." (Majmu' Fatawa, X/652)

Kita sememangnya memerlukan nilai agama sebagai kekuatan moral-spiritual dalam pembangunan peradaban seperti yang dibuktikan oleh pendahulu kita. Peradaban sebenarnya adalah perwujudan daripada agama kerana agama adalah sumber dinamik hidup yang mampu membangun peradaban dan seterusnya mempertahankannya yang tentunya termasuk di dalamnya tema seminar tiga hari di atas yang bertajuk, 'Menjana Peradaban Melayu Abad 21'.

(END)